

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI,  
DATUK HUSSEIN ONN, DI MAJLIS  
PELANCARAN RANCANGAN BUKU HIJAU  
PERINGKAT KEDUA, DI KAMPUNG  
KUNLUANG, DAERAH KUBANG PASU,  
KEDAH, PADA HARI SELASA, 27HB  
JULAI, 1976, JAM 10.30 PAGI.

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh!

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Syed  
Ahmad Shahabuddin, Menteri Besar Kedah,

Dif-dif yang terhormat,

Saudara-saudara sekalian.

---

Pagi ini, kita semua menyaksikan  
pelancaran Rancangan Buku Hijau Peringkat  
Kedua. Berlainan dari upacara pelancaran  
Buku Hijau Peringkat Pertama dulu, yang  
dilangsungkan di tengah-tengah kota, iaitu  
Kuala Lumpur, kali ini Kerajaan mengadakannya  
di Kampung Kunluang, iaitu di tengah-tengah  
rakyat, sebagai tapak pelancaran itu.

2. Kita bolehlah menganggap bahawa kampung ini, bukan sahaja bertuah, tetapi juga mempunyai sifat-sifat yang boleh dibanggakan. Yang Berbahagia Pegawai Daerah tadi, telah menjelaskan latar belakang kampung ini, serta motivasi rakyatnya, yang patut menjadi contoh di seluruh Malaysia.

3. Oleh yang demikian, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kedah, menerusi Datuk Menteri Besarnya, yang telah bersetuju menjadikan Kampung Kunluang ini sebagai tapak pelancaran Rancangan Buku Hijau ini.

Demikian juga, saya mengucapkan tahniah kepada penduduk-penduduk di sini, yang telah bersama-sama menjayakan kampung ini, serta mempunyai semangat yang tinggi ingin maju.

3. Saya diberitahu, telah banyak masa, tenaga dan pemikiran <sup>diberikan</sup> ~~dihabiskan~~ oleh penduduk tempatan dan pegawai Kerajaan, untuk menjayakan pelancaran dan projek pertanian Rancangan Buku Hijau ini. Tetapi masa dan sumbangan itu tidak sia-sia <sup>dan</sup> ~~tetapi~~ amat berguna. Saya harap usaha baik seperti ini, akan berterusan dan tidak akan selesai selepas majlis pelancaran ini sahaja.

4. Kita semua tentu bersependapat bahawa pelancaran sesuatu projek itu, lebih-lebih lagi rancangan buku hijau ini, merupakan permulaan kerja dan usaha yang lebih gigih, untuk mencapai matlamat yang telah ditentukan. Berikutan dengan pelancaran Buku Hijau pada hari ini, saya harap pihak-pihak yang berkenaan, peladang, kaum tani dan pegawai, akan sama-sama berganding bahu, menggembeling usaha memajukan taraf hidup masyarakat tani, serta juga masyarakat di sekitarnya.

5. Sepertimana yang dimaklum, ~~pada~~ Kerajaan telah melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga, yang saya percaya akan diterima oleh semua pihak

yang inginkan kemajuan dan pembangunan.  
Rancangan Malaysia Ketiga memberikan perhatian  
utamanya, untuk menghapuskan kemiskinan, terutama  
di kalangan kumpulan tertentu dalam masyarakat  
luar bandar. Matlamat pertama, seperti yang  
telah saya huraikan ialah hendak mengurangkan  
kadar kemiskinan di luar bandar, terutamanya  
di kalangan penanam padi, pekebun kecil getah  
dan kelapa, nelayan-nelayan, pekerja ladang,  
penduduk kampung baru, pekerja-pekerja  
bendang dan Orang Asli, dengan cara meninggikan  
daya pengeluaran dan hasil kawasan pertanian  
mereka yang sedia ada. Demikian juga untuk

meluaskan peluang pekerjaan, melalui pembukaan kawasan tanah baru, penubuhan pusat pertumbuhan baru, dan penyerapan buruh lebihan, ke dalam sektor lain. Sejumlah \$4,735 juta, yakni seperempat daripada peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga, telah diagihkan untuk pembangunan pertanian. Jumlah ini, adalah yang paling besar bagi peruntukan satu-satu sektor pembangunan di negara kita ini. Dan keputusan ini, mencerminkan kesungguhan Kerajaan hendak membantu peladang dan petani, menerusi pembangunan sektor pertanian ini.

6. Hasrat Kerajaan hendak 'meninggikan daya pengeluaran kawasan pertanian' itu, pada hemat saya, boleh dilaksanakan dengan bermacam cara. Umpamanya, pihak Kerajaan akan terus merancangkan berbagai projek dan program, yang difikirkan berkesan untuk pelaksanaan rancangannya. Dalam hubungan ini, saya mahu seluruh jentera Kerajaan menumpukan perhatian kepada perkembangan pertanian ini, supaya cita-cita hendak mengurangkan kemiskinan, dan akhirnya dihapuskan, dapat dibuktikan secara berkesan dan berfaedah.

7. Rancangan Buku Hijau, Peringkat Kedua, yang dilancarkan ini menegaskan lagi bahawa

pertanian sebagai permulaan kepada usaha menuju perdagangan, adalah satu contoh antara program yang boleh dilaksanakan bagi mengurangkan kemiskinan itu. Perkara ini juga menunjukkan, adanya pertalian antara objektif dengan program Kerajaan, iaitu objektif Rancangan Malaysia Ketiga, dengan program Rancangan Buku Hijau ini. Sebagai memperkuatkan lagi, hubungan pertalian itu, Rancangan Peringkat Kedua ini, dilancarkan selepas saya melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga diParlimen tempoh hari. Dalam hubungan ini, saya inginlah mengambil peluang mengingatkan semua pihak, supaya bersikap positif dan menganggap

Rancangan Buku Hijau, bukan sebagai satu program berasingan atau sambilan, tetapi sebagai sebahagian yang penting daripada strategi hidup kita dari strategi Kerajaan hendak memajukan pertanian, sebagai teras hidup kuat masyarakat luar bandar, khasnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Saudara-saudara sekalian,

8. Meninjau semula sejarah Buku Hijau, kita akan mendapati bahawa ia adalah satu warisan yang ditinggalkan kepada kita oleh Allahyarham Tun Razak, yang dilancarkan olehnya hampir-hampir dua tahun yang lalu. Allahyarham memandang Rancangan Buku Hijau ini sebagai satu

bidang pembangunan yang kukuh, untuk menggerakkan rakyat dan jentera Kerajaan, supaya bertindak segera bagi memperbaiki nasib masa depan rakyat dan negara kita. Saudara tentu masih ingat, masalah utama yang dihadapi oleh negara, pada masa itu, ialah inflasi dan rosotan ekonomi seluruh dunia, yang menimpakan kesulitan hidup rakyat, terutama bagi petani, pesawah dan pekebun kecil di luar bandar. Di-dorong hakikat inilah, Kerajaan melancarkan Rancangan Buku Hijau, sebagai satu langkah konkrit dan menasabah untuk mengawal inflasi dan menambahkan

bahan makanan rakyat. Hasilnya telah sama-sama kita rasa.

9. Semenjak ia dilancarkan, telah banyak diperkatakan mengenai kejayaan dan juga kegagalan Rancangan Buku Hijau. Kerajaan tidaklah memandang sepi akan ulasan dan komen yang disampaikan oleh berbagai pihak, baik rakyat mahupun pegawai Kerajaan. Sikap Kerajaan ialah menjadikannya satu cabaran, dan sentiasa akan meneruskan rancangan yang mendatangkan faedah kepada rakyat itu. Kita tidak menafikan kelemahan. Oleh itu, kita akan memperbetulkan apa juga yang disifatkan lemah. Sebaliknya, setiap aspek yang mempunyai potensi

baik, kita akan pupuk. Sesuatu yang boleh menimbulkan kesan buruk, kita akan berhentikan. Berasaskan kepada pemikiran inilah, Kerajaan telah mengambil keputusan hendak melanjutkan lagi Rancangan Buku Hijau, masuk ke peringkat kedua, dengan bertemakan 'Pertanian Secara Moden dan Intensif untuk Perdagangan.'

10. Saya percaya tidak siapa dapat menafikan tentang kejayaan yang dicapai, di bawah Rancangan Buku Hijau, semenjak ianya dilancarkan dulu. Misalnya, kadar kenaikan harga bahan-bahan makanan, pada masa sekarang tidaklah melambung tinggi, seperti pada penghujung tahun 1974, dan awal tahun 1975. Dibandingkan dengan

kenaikan harga bahan makanan di negara Barat, kadar inflasi di negara kita, pada masa ini, adalah jauh lebih rendah.

11. Selain daripada itu, pada hemat saya, kejayaan besar yang dicapai hingga ke hari ini, ialah kesedaran yang sangat mendalam di kalangan rakyat, usahawan dan pegawai Kerajaan, tentang potensi pertanian untuk dimajukan secara besar-besaran di negara kita ini. Usaha pembangunan pertanian ini, bukan sahaja akan membantu meningkatkan pendapatan peladang, dan memberi banyak lagi peluang kerja, serta memajukan perusahaan dan perdagangan di negara kita, bahkan juga secara tidak langsung, akan membantu negara-negara lain dengan bekalan

makanan dan berbagai hasil pertanian yang mereka perlukan. Dari segi kewangan pula, kita dapat menjimatkan pertukaran wang asing, serta menyediakan bahan keperluan dalam negara sendiri. Saudara sekalian,

12. Di antara aktiviti ekonomi yang berjaya di kalangan rakyat luar bandar, ialah Rancangan Belia Peladang. Hingga akhir tahun lalu, seramai lebih kurang 7 ribu orang belia telah beserta, dalam 900 projek yang mengeluarkan hasil pertanian bernilai \$1.6 juta. Kegiatan belia, dalam pembangunan pertanian ini, mencerminkan satu keazaman bahawa mereka juga sanggup berada di medan hadapan pembangunan.

Semangat ini perlu benar dipupuk, kerana ianya membawa bermacam faedah. Selain daripada mengurangkan kadar hijrah penduduk luar bandar ke bandar, yang mendatangkan beberapa masalah sosial, kesediaan belia-belia bertani secara teratur dan moden, mungkin dapat memulihkan *lagi* beberapa banyak kampung yang tidak cukup tenaga manusia. ~~lagi~~. Saya tahu di Kedah sudah mengalami kekurangan tenaga mengerjakan bendang. Kita harap belia-belia peladang ini akan dapat mengatasi keadaan itu. Jika ramai lagi belia-belia giat bertani, mereka akan dapat pula membantu, menggerak dan mencepatkan usaha hendak memodenkan sektor luar bandar.

13. Kaum belia pada hari ini, pada amnya, mendapat pendidikan yang lebih baik daripada golongan orang tua seperti kita dulu. Taraf pelajaran yang lebih baik ini, serta ~~kemudahan~~ <sup>kemudahan</sup> umur mereka, ditambah pula dengan sikap baru mahu bertani, mahu maju dan meninggikan taraf hidup, sudah tentu memudahkan kaum belia menerima dan mengamalkan teknik-teknik moden, dalam pelbagai aktiviti pertanian. Sumber tenaga manusia negara kita yang besar ini, patutlah digalakkan, terutama dalam projek-projek Rancangan Buku Hijau. Pada hemat saya, apa yang ~~kekurangan~~ <sup>kurang</sup> di peringkat bawah, ialah pimpinan setempat atau local leadership. Sekiranya, kaum

belia dapat memberikan pimpinan ini, pembangunan disektor luar bandar dapat digiatkan lagi.

14. Sepertimana yang saya katakan tadi, Rancangan Buku Hijau peringkat Kedua menegaskan, bidang pertanian yang diuruskan secara moden dan intensif untuk diperdagangkan, merupakan usaha usaha yang sangat menguntungkan. Thema ini mempunyai beberapa erti dan implikasi tertentu. Pengeluaran secara "moden", misalnya berkehendakkan peladang kita mengetahui dan mengamalkan cara serta teknologi yang kemaskini, atau up-to-date, supaya hasil yang diperolehi setimpal dengan tenaga dan usaha yang mereka curahkan. Dalam hal ini, Jabatan Pertanian dan berbagai agensi pertanian yang lain,

hendaklah menyusun cara-cara latihan yang mudah, praktik dan berkesan, supaya kaum peladang dan petani kita menjadi angkatan peladang yang progresif, tidak ketinggalan zaman dan beroleh kemajuan.

15. Pengeluaran secara "intensif" pula, membawa erti bahawa keseluruhan sumber pertanian yang ada pada kita, hendaklah dipergunakan sepenuhnya. Tanah yang kosong atau belum digunakan secara maksima, hendaklah diusahakan supaya tidak ada yang terbiar begitu sahaja. Laporan yang diterima daripada pejabat-pejabat daerah, di Semenanjung, menunjukkan masih banyak lagi tanah milik yang sesuai

diusahakan untuk pertanian, tetapi tidak dijayakan  
Misalnya, tanah yang telah diberi hak milik  
kepada rakyat, tetapi tidak diusahakan sama  
sekali oleh pemilik-pemilikinya, berjumlah tidak  
kurang daripada 138 ribu ekar. Perangkaan  
juga menunjukkan bahawa, tanah-tanah yang tidak  
diusahakan sepenuhnya oleh pemiliknya, berjumlah  
tidak kurang daripada 300 ribu ekar. Berasaskan  
kepada fakta ini, saya berseru kepada tuanpunya  
tanah yang belum atau tidak sanggup  
mengusahakan tanah mereka, supaya memberi  
peluang kepada peladang kecil yang kurang atau  
tidak bertanah, untuk mengusahakannya bagi faedah  
bersama. Bagi mereka yang tidak memiliki tanah,

tetapi dapat membuktikan kesanggupan mereka dalam pembangunan pertanian, Kerajaan Negeri patutlah menutamakan mereka ini, apabila memberikan tanah baru kepada orang ramai. Sistem dan pertambahan yang ada patut dikaji. Dalam pada itu, saya ingin menegaskan juga ~~di sini~~ bahawa, peluang mengusahakan tanah adalah lebih penting dan berfaedah, daripada hanya untuk memilikinya sahaja. Satu konsep mengenai pemilikan tanah ini, adalah perlu diubahsuaikan dengan keadaan zaman.

16. Thema 'Pertanian untuk perdagangan' bererti bahawa, peladang hendaklah sentiasa merancangkan pengeluaran mengikut kehendak pasaran. Ini bererti projek-projek pertanian

tidaklah boleh dirancang mengikut sesuka hati sahaja, tanpa pertimbangan tertentu. Apabila membuat ketetapan tentang jenis pertanian yang mahu diusahakan dan berapa jumlahnya yang hendak dikeluarkan, peladang dan petani patutlah terlebih dahulu merojok atau mengambil panduan daripada keperluan pasaran itu. Adalah mustahak bagi kaum peladang mempunyai maklumat pasaran, sebelum mereka memulakan projek yang besar-besar. Begitu juga adalah mustahak bagi peladang mematuhi nasihat dan panduan yang diberikan oleh agensi Kerajaan, supaya pengeluaran hasil pertanian tidak berlebih-lebihan, hingga boleh merugikan diri dan mensia-siakan tenaga sendiri. Sikap berniaga menurut kaedah baharu ini, perlulah

dipupuk di kalangan peladang kita, supaya kita mendapat faedah yang maksima dari usaha kita.

Saudara sekalian,

17. Rancangan Buku Hijau Peringkat Kedua, merupakan satu program mengurangkan kemiskinan. Ia dirancang untuk memastikan usaha berpadu atau 'integrated', antara rakyat dengan agensi-agensi Kerajaan, yang terlibat dalam pembangunan pertanian. Dalam gerakan ini, tidak ada satu jabatan, secara bersendirian, dapat menjayakannya dengan <sup>sempurna</sup> ~~sempurnya~~. Ianya dirancang di peringkat daerah oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah, yang diketuai oleh Pegawai Daerah, dengan ahli-ahlinya terdiri daripada ketua Jabatan Kerajaan dan

dan wakil-wakil rakyat. Saya berkehendakkan usaha berpadu ini, diamalkan seluas-luasnya dan perpaduan ini diteruskan dalam semua bidang, samada Buku Hijau atau lapangan lain.

18. Lembaga Pertubuhan Peladang dikehendaki memainkan peranan utama, sebagai penqurus dan penyelaras projek Rancangan Buku Hijau yang ditetapkan, dalam sesuatu kawasan. Dalam urusan ini, adalah mustahak supaya jabatan kerajaan yang lain, memberikan kerjasama mereka untuk menjayakan rancangan atau projek yang dipersetujukan itu. Begitu juga, saya berkehendakkan FAMA memainkan peranan yang lebih dinamis dalam pemasaran hasil-hasil pertanian.

Saya tahu FAMA telah bekerja keras, tetapi dalam menentukan kejayaan Buku Hijau, mereka hendaklah bertugas lebih kuat lagi. Dengan penegasan ini, adalah menjadi tugas Pegawai Daerah memastikan wujudnya satu pasukan pembangunan yang sungguh bersatupadu dan bertanggungjawab untuk menjayakan Rancangan Buku Hijau diperingkatnya.

19. Saya sering diberitahu <sup>bahwa</sup> antara masalah yang selalu dihadapi dalam pelaksanaan rancangan pembangunan, ialah kurangnya kerjasama antara Jabatan dan agensi Kerajaan. Walaupun pada mulanya, badan-badan ini ditubuhkan khusus untuk memperkemas jentera Kerajaan, supaya perkhidmatan

kepada rakyat dapat diberikan dengan cara yang lebih berkesan dan licin, tetapi <sup>kerap kali</sup> ~~acapkali~~ pula didapati, timbul perlumbaan yang disifatkan tidak sihat, antara badan-badan tersebut.

Masing-masing pihak memandang penting, hanya pada projek dan rancangan yang diusahakan oleh mereka sahaja. Dengan lain perkataan, pada akhirnya, <sup>di</sup> dapati setengah daripada badan ini terlalu mementingkan imej dan kedudukannya, lebih daripada kebajikan rakyat atau peladang yang mereka patut memberikan khidmat itu. Sikap tidak sihat ini, sekiranya masih ada di kalangan sebilangan besar pegawai-pegawai, hendaklah diubah. Kerajaan mahu supaya setiap pegawai,

setiap jabatan, mempunyai sikap yang menyeluruh, yang luas, untuk faedah semua pihak, terutama rakyat biasa. Pembangunan adalah untuk rakyat dan negara. Pegawai-pegawai diamanahkan dan mempunyai kewajipan serta tugas, untuk memberi khidmat, bukan untuk kepentingan jabatan atau agensi mereka sahaja. Yang penting dan selalu diingat ialah, khidmat untuk kebajikan dan faedah rakyat yang terbanyak.

Saudara sekalian,

20. Pada masa mengumumkan Rancangan Malaysia Ketiga baru baru ini, saya telah menegaskan peranan penting sektor swasta, untuk menjayakan rancangan pembangunan kita. Saya meletakkan harapan sektor swasta akan beserta dalam Rancangan Buku Hijau, dengan cara yang lebih aktif lagi. Misalnya, kita ingin melihat

perusahaan memproses bahan bahan makanan, berkembang dengan pesatnya. Dengan penyelidikan teknologi makanan yang baik, streteji pemasaran yang progresif, didalam dan luar negeri, hasil pertanian negara kita akan mendapat pasaran yang lebih luas dan stabil. Dengan cara ini juga, kita boleh maju selangkah lagi dalam sektor perindustrian, iaitu mengeksport bahan bahan makanan yang telah di peroses, dan bukan bahan mentah sahaja. Disamping itu, pihak swasta juga boleh menggalakkan kaum peladang, dengan cara memberi kontrek pembekalan barang secara besar-besaran , yang pasti menguntungkan kedua belah pihak, pada jangka panjangnya.

21. Saya ingin menegaskan satu perkara lagi disini, iaitu kejayaan pembangunan luar bandar, berarti juga kejayaan kita memelihara keselamatan, dan meninggikan ketahanan nasional atau national resilience. Masalah kemiskinan mestilah dihadapi dengan segala kesungguhan, oleh semua pihak, pada setiap masa. Musuh musuh negara sentiasa cuba menembusi benteng pertahanan kita, cuba meruntuhkan negara dengan menembusi kumpulan masyarakat yang kurang bernasib baik, kumpulan rakyat yang merasa tidak puashati dengan tindakan kerajaan, samaada mereka ini tinggal di bandar atau pun di luar bandar.

22. Memandangkan kadar kemiskinan lebih ternyata di luar bandar, sasaran gulungan kominis dan subversif ini, ialah masyarakat peladang atau tani. Oleh itu, amatlah mustahak Rancangan Buku Hijau ini di jayakan, supaya bertambah kukuhlah kubu keselamatan dan ketahanan negara kita. Dalam konteks ini, Rancangan Buku Hijau mempunyai kaitan yang rapat dengan bidang keselamatan. Bagaimana pun, kita yakin, dengan bertambahnya taraf kehidupan rakyat petani, akan sukarlah bagi anasir anasir jahat ini, hendak bertapak. Sebaliknya, ia dapat pula memperkuat imej kerajaan yang sentiasa berusaha untuk faedah dan kebajikan rakyat.

23. Sejalan dengan maksud hendak memastikan kejayaan Rancangan Buku Hijau, Kerajaan, pada kali ini, melaksanakannya secara berperingkat-peringkat. Pada mulanya, tiap-tiap daerah dikehendaki menentukan satu kawasan tertentu sebagai tapak permulaan. Ini ialah semata-mata oleh kerana kekurangan pegawai dan bantuan yang diperlukan. Sekalipun demikian, tiap-tiap daerah telahpun diminta mengadakan rancangan perkembangannya yang meliputi semua daerah di seluruh negara, dalam masa tiga tahun.

Pendekatan secara berpilih atau selective approach ini, difikirkan lebih menasabah dan praktik bagi menentu dan menjayakan pelaksanaan

Rancangan ini, yang bertujuan memperbaiki mutu kehidupan masyarakat peladang kita.

Saudara sekalian,

24. Berkaitan dengan kualiti kehidupan rakyat ini, kita harus juga ingat bahawa memperbaiki mutu atau taraf hidup, tidak dapat diukur dari segi ekonomi sahaja. Aspek sosial, aspek bathin, khususnya keteguhan iman seseorang, dan juga akhlak masyarakat kita, hendaklah sentiasa diawasi. Masalah dadah dan berbagai jenis jenayah yang menjadi-jadi, menunjukkan penyakit sosial masih menular, hingga boleh meruntuhkan juga masyarakat kita. Oleh yang demikian, saya harap pembangunan sesuatu kawasan

akan mementingkan juga pembangunan di bidang sosial seperti pendidikan, kesihatan dan ugama. Perkara ini, bukan sahaja dikehendaki oleh negara, tetapi juga dalam usaha kita <sup>menuju</sup> ~~menju~~ kemajuan dan permodenan.

25. Memandangkan pentingnya aspek ini, dan oleh sebab saya dengar masjid yang ada di Kampung Kunluang ini benar-benar dhaif, tetapi penduduk di sini rajin beribadat, sukacita saya menyatakan di sini iaitu Kerajaan bersetuju meluluskan permintaan penduduk-penduduk kampung ini, yang dibuat melalui Pegawai Daerah dalam ucapannya tadi. Kerajaan telah menimbang dan bersetuju memberikan peruntukan \$70, 000 untuk membina sebuah masjid baharu


bagi kegunaan masyarakat tempatan. Saya harap jumlah ini mencukupi keperluan tempat ini.

26. Akhir kata, saudara sekalian, saya ingin mengucapkan tahniah kepada masyarakat tempatan, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, kaum belia, kaum ibu, Jawatankuasa Tindakan Daerah dan Negeri, dan semua pihak yang terlibat, kerana telah menjayakan kawasan pertama Rancangan Buku Hijau Peringkat Kedua ini. lanya tercatit menjadi contoh usaha bersepadu antara jabatan dan agensi-agensi Kerajaan serta kerjasama rakyat, iaitu kaum tani, peladang dengan pegawai Kerajaan. Mudah-mudahan Allah berkati kita semua, dengan amalan baik yang telah ditunjukkan itu.

27. Sebagai penutup, saya mahu banyak lagi  
kampung Kunluang. Kerajaan mahukan rakyat  
yang mempunyai semangat seperti penduduk kampung  
ini. Kerajaan Negeri Kedah patutlah menambahkan  
kampung-kampung yang maju, seperti Kunluang ini.

28. Dengan ini, saya dengan resminya  
mengisytiharkan pelancaran Rancangan Buku  
Hijau Peringkat Kedua.

Terimakasih.



PERKIDMATAN  
ARKIB TERBUKA MENTERI



**PERKHIDMATAN  
ARKIB PERDANA MENTERI**



JUL 1978



No. Siri .....	204
No Penerimaan .....	19/78